



فجاجة فريندهار أن نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Telefon : 09-623 1957
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)
: 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

PERB.TR.U/06/N/126/2 (43)

25 Januari 2024

13 Rejab 1445H

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Terengganu
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

YBM Tengku/YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL.3 TAHUN 2024 - TERIMAAN BAYARAN TANPA TUNAI FIZIKAL (CASHLESS) NEGERI TERENGGANU

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

- ...
2. Untuk makluman, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3 Tahun 2024 berkaitan Terimaan Bayaran Tanpa Tunai Fizikal (*Cashless*) Negeri Terengganu. Bersama-sama ini diedarkan Pekeliling di atas untuk tindakan dan perjalanan pihak YBM Tengku/YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Pekeliling ini juga boleh dimuat turun dengan melayari laman web <http://perbendaharaan.terengganu.gov.my>.
 3. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai Terimaan Bayaran Tanpa Tunai Fizikal (*Cashless*) boleh menghubungi pihak berikut:

Bil	Bahagian	Perkara
1.	Unit Operasi dan Perakaunan Pejabat Perbendaharaan Negeri Tingkat 3, Wisma Darul Iman 20592 Kuala Terengganu 09-627 6266	Berkaitan tatacara perakaunan
2.	Unit Hasil Pejabat Perbendaharaan Negeri Tingkat 4, Wisma Darul Iman 20592 Kuala Terengganu 09-627 6253	Berkaitan pemasangan <i>Merchant Terminal (Point-Of-Sale)</i>

4. Surat Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

...2

"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

Sekian terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAWAWI BIN ABD. RAHMAN)
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu

s.k. YB Pegawai Kewangan Negeri

Bendahari Negeri

Penolong Kanan Pegawai Kewangan Negeri – Untuk tindakan tuan
(Teknologi Maklumat)

Fail Timbul

☎ 09-6276253
✉ nurulnadiyah87@terengganu.gov.my



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2024

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Terengganu
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

TERIMAAN BAYARAN TANPA TUNAI FIZIKAL (*CASHLESS*) NEGERI TERENGGANU

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kaedah terimaan bayaran tanpa tunai fizikal (*cashless*) di semua kaunter hasil dan pusat tanggungjawab Kerajaan Negeri Terengganu.
- 1.2. Pekeliling ini juga bertujuan menyelaraskan semula isu kutipan tanpa tunai fizikal yang telah pun berkuat kuasa sebelum pekeling ini dikeluarkan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 22 merujuk kepada Kumpulan Wang Disatukan iaitu di mana segala hasil atau wang yang diperdapatkan atau diterima dengan apa cara sekali pun oleh Persekutuan atau suatu Negeri hendaklah dimasukkan ke dalam **Kumpulan Wang Disatukan** bagi Negeri itu, mengikut mana yang berkenaan.

- 2.2. Terimaan bayaran oleh Kerajaan Negeri Terengganu adalah terdiri daripada berikut:
- i. Kutipan hasil negeri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai serta terimaan bukan hasil;
 - ii. Bayaran balik pinjaman, gantian dan sebagainya;
 - iii. Bayaran surcaj;
 - iv. Deposit;
 - v. Apa-apa wang yang disumbangkan kepada Akaun Amanah serta Kumpulan Wang Amanah; dan
 - vi. Apa-apa terimaan yang boleh diselaraskan semula di bawah bidang kuasa Pegawai Pengawal.
- 2.3. AP65(d) memperuntukkan bahawa Pemungut Wang Awam adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan terimaan secara elektronik mengikut pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- 2.4. Selain daripada itu, pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 53, 68 – 78, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 6/2019, Tatacara Pengurusan Terimaan dan pekeliling lain yang berkuat kuasa adalah dirujuk bagi memastikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) melaksanakan terimaan mengikut peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa.

3. BAYARAN KEPADA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU MELALUI KAUNTER HASIL ATAU PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

- 3.1. Bayaran kepada Kerajaan Negeri Terengganu secara tanpa tunai fizikal (*cashless*) melalui pindahan elektronik iaitu **Electronic Fund Transfer** dan mesin **Merchant Terminal (Point-Of-Sale)** yang telah ditempatkan di Pusat Tanggungjawab berikut:
- i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Khidmat Pengurusan);
 - ii. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu;
 - iii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Terengganu;
 - iv. Semua Pejabat Tanah Di Seluruh Negeri Terengganu;
 - v. Semua Pejabat Daerah Di Seluruh Negeri Terengganu;

- vi. Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu dan semua Pejabat Agama Daerah dalam Negeri Terengganu termasuk Pejabat Agama Bahagian Undang-Undang Keluarga;
 - vii. Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu dan semua Pejabat Jurutera Daerah dalam Negeri Terengganu termasuk JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (Bukit Kecil);
 - viii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu dan semua Pejabat JPS Daerah dalam Negeri Terengganu termasuk JPS (Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal);
 - ix. Jabatan Kehakiman Rendah Syariah Negeri Terengganu dan semua Mahkamah Rendah Syariah Negeri Terengganu;
 - x. Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (Kampung Budaya Terengganu);
 - xi. Jabatan Pertanian Negeri Terengganu dan semua Pejabat Pertanian Daerah dalam Negeri Terengganu termasuk Kompleks Pertanian Negeri, Ajil;
 - xii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu dan semua Pejabat Veterinar Daerah dalam Negeri Terengganu; dan
 - xiii. Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan Pejabat Hutan Daerah dalam Negeri Terengganu termasuk Taman Eco Rimba.
- 3.2. Bayaran kepada Kerajaan Negeri Terengganu secara tanpa tunai fizikal (*cashless*) melalui perkhidmatan **JomPAY** bagi Pusat Tanggungjawab berikut:
- i. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.
- 3.3. Bayaran secara tanpa tunai fizikal (*cashless*) melalui perkhidmatan aplikasi **Terengganu Pay** bagi Pusat Tanggungjawab berikut:
- i. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu;
 - ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT);
 - iii. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu;

- iv. Yayasan Terengganu; dan
 - v. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- 3.4. Bayaran kepada Kerajaan Negeri Terengganu secara tanpa tunai fizikal (*cashless*) melalui pindahan elektronik iaitu **Electronic Fund Transfer** bagi Pusat Tanggungjawab berikut:
- i. Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu.
- 3.5. Bayaran kepada Kerajaan Negeri Terengganu secara tanpa tunai fizikal (*cashless*) melalui perkhidmatan **QR Pay** (*quick-response code*) sedang diperluaskan ke seluruh Pusat Tanggungjawab hasil seluruh Negeri Terengganu dan akan dikemaskini semula melalui pekelliling Perbendaharaan Negeri Terengganu akan datang.
- 4. BAYARAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT), BADAN BERKANUN NEGERI (BBN) ATAU AGENSI-AGENSI NEGERI**
- 4.1. Bayaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Terengganu boleh dibuat secara tanpa tunai fizikal (*cashless*) mengikut perkhidmatan yang ditawarkan oleh PBT berikut:
- i. **Majlis Bandaraya Kuala Terengganu;**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), onlineMBKT, JomPAY dan PBTPay*)
 - ii. **Majlis Perbandaran Kemaman;**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), JomPAY, PBTPay dan Maybank2U*)
 - iii. **Majlis Perbandaran Dungun;**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), JomPAY, PBTPay, SENANGPAY, Maybank2U, CIMB Clicks, dan BSN*)
 - iv. **Majlis Daerah Marang;**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), JomPAY dan PBTPay*)

- v. **Majlis Daerah Besut;**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), JomPAY dan Maybank2U*)

 - vi. **Majlis Daerah Hulu Terengganu; dan**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), JomPAY dan Maybank2U*)

 - vii. **Majlis Daerah Setiu.**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), JomPAY dan PBTPay*)
- 4.2. Bayaran kepada **Badan Berkanun Negeri (BBN)** boleh dibuat secara tanpa tunai fizikal (*cashless*) mengikut perkhidmatan yang ditawarkan oleh BBN berikut:
- i. **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT);**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), JomPAY, SnapNPay dan Internet Banking – Maybank, CIMB, Bank Islam, RHB Bank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Affin Bank serta AmBank*)

 - ii. **Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM);**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale), eZakat Online, JomPAY, Tulus dan Terengganu Pay*)

 - iii. **Yayasan Terengganu;**
(*Internet Banking, JomPAY dan Terengganu Pay*)

 - iv. **Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu;**
(*Electronic Fund Transfer dan QR Pay*)

 - v. **Yayasan Islam Terengganu;**
(*ToyyibPay dan Onpay*)

 - vi. **Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu;**
(*Electronic Fund Transfer, Merchant Terminal (Point-Of-Sale) dan Internet Banking*)

 - vii. **Lembaga Muzium Negeri Terengganu;**
(*Electronic Fund Transfer*)

 - viii. **Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu;**
(*Electronic Fund Transfer dan Merchant Terminal (Point-Of-Sale)*)

ix. **Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu; dan**
(*Electronic Fund Transfer, QR Pay dan JomPAY*)

x. **Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT).**
(*Electronic Fund Transfer, QR Pay dan Financial Process Exchange (FPX)*)

5. RESIT RASMI

5.1. Resit hendaklah dikeluarkan selaras dengan pematuhan AP60 dan AP70(a). Cetakan resit elektronik adalah selaras dengan AP60(d). Resit boleh dikeluarkan secara media elektronik selaras dengan AP61(b).

6. HARI TANPA TUNAI FIZIKAL

6.1. Perbendaharaan Negeri telah bersetuju melaksanakan hari tanpa tunai fizikal (*cashless*) sepenuhnya pada **setiap hari akhir bagi setiap minggu bekerja.**

7. PEMATUHAN PEKELILING

7.1. Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan yang telah diturunkan kuasa sebagai pemungut hendaklah dengan ini menerima pakai kaedah terimaan tanpa tunai ini.

7.2. Kegagalan pemakaian arahan dalam Pekeliling ini hendaklah dilaporkan kepada YB Pegawai Kewangan Negeri atau Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu.

7.3. Tindakan surcaj akan dikenakan kepada mereka yang didapati tidak mematuhi arahan-arahan dalam Pekeliling ini serta peraturan-peraturan pengurusan kewangan yang sedia ada.


8. PEMAKAIAN, TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

- 8.1. Pekeliling ini adalah terpakai kepada Pusat Tanggungjawab, Badan Berkanun Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu seperti di Perenggan 3 dan 4.
- 8.2. Pekeliling ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2024** sehingga satu arahan pembatalan atau pindaan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.

Sekian, terima kasih

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NARA SETIA)
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu

s.k. Bendahari Negeri
Terengganu

Pengarah
Jabatan Audit Negara Malaysia
Negeri Terengganu